



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2016/03/24 (HQ)

### TNB ANJUR KEMPEN KESEDARAN KESELAMATAN ELEKTRIK PERINGKAT NEGERI KEDAH

Menyedari perlunya pendedahan terhadap penggunaan elektrik secara selamat, **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** mendekati orang awam melalui penganjuran Kempen Kesedaran Keselamatan Elektrik (KKKE) Peringkat Negeri Kedah pada hari ini yang dirasmikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bandar Baharu, Y.B.Dato' Norsabrina Mohd Noor.

Program ini dilaksanakan setiap tahun sejak 2008 dengan mensasarkan guru-guru dan murid-murid sekolah rendah sebagai peserta. Pada tahun 2013, kumpulan sasaran telah beralih sementara kepada penerokaan Felda di seluruh Semenanjung atas perkembangan pesat sosio-ekonomi kumpulan itu.

Mulai tahun 2015, fokus sasaran beralih kembali kepada pelajar-pelajar sekolah. Buat julung kalinya, peserta yang terlibat kali ini terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah menengah dari tingkatan 4 dan 5. Pada hari ini, seramai 300 para pelajar dan guru pengiring dari 30 buah sekolah sekitar Bandar Baharu Kulim dipilih hadir pada kempen ini.

Pengurus Besar (Projek Utama/Utara), Bahagian Penghantaran TNB, Suhaimi Ishak dalam ucapan aluannya berkata, kempen ini melibatkan sesi ceramah, pameran keselamatan, dan acara-acara berkaitan kesedaran keselamatan elektrik. Perlaksanaan kempen ini adalah sebagai usaha jangka panjang TNB untuk membantu mengurangkan kadar kemalangan elektrik akibat kecuaian.

“Apa yang dilakukan TNB merupakan Tanggungjawab Korporat kepada masyarakat agar lebih peka terhadap penggunaan tenaga elektrik yang selamat sekali gus mengelakkan kecuaian yang boleh mengakibatkan kemalangan elektrik,” tambah beliau.

Berdasarkan statistik kemalangan elektrik yang dikeluarkan Suruhanjaya Tenaga (ST), bagi tahun 2015, sebanyak 48 kes kemalangan elektrik telah berlaku di seluruh Negara. Sebanyak 30 daripadanya adalah kes maut. Manakala 18 lagi kes tidak maut. Ini adalah penurunan sebanyak lima belas (15) kes berbanding tahun 2014 sebanyak 63 kes. Antara punca utama kemalangan elektrik tersebut ialah berpunca dari Pencawang Elektrik Utiliti direkodkan tiga belas (13) kes. Manakala Kes melibatkan Kediaman (Residen) mencatat jumlah kedua tertinggi iaitu 10 kes yang direkodkan.

**Dikeluarkan di Bandar Baharu Kulim, Kedah pada 31 Mac 2016**

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) / Puti Mazlina Mashudi (013-3642727)  
[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*